

23 MAY 2000

Isa-Pembangkang

SOKONGAN MELAYU KEPADA BN TIDAK AKAN PECAH, KATA ISA

PORT DICKSON, 23 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) tidak gentar menghadapi pakatan pembangkang Barisan Alternatif yang akan meletakkan ketua penerangan Parti Keadilan Ruslan Kasim yang lebih bertujuan menarik undi Melayu pada pilihan raya kecil kawasan Parlimen Teluk Kemang.

Pengerusi BN Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata, beliau percaya pembangkang meletakkan calon Melayu di situ untuk memecahkan undi Melayu yang merupakan pengundi majoriti.

"Pembangkang dijangka akan menjadikannya sebagai modal kempen tetapi saya yakin undi Melayu kepada BN tidak akan pecah. Bukan perkara luar biasa calon BN daripada parti MIC bertanding di situ menentang calon pembangkang Melayu kerana dahulupun ada calon pembangkang Melayu bertanding," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat ketua-ketua parti komponen BN Negeri Sembilan di sini, malam tadi.

Mohamed Isa yang juga Menteri Besar berkata, BN menganggap sebagai serupa dan sama sahaja siapa yang diletakkan oleh pembangkang bertanding di situ.

"Pengundi Teluk Kemang tidak memilih calon tetapi memilih parti yang telah terbukti melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik," katanya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan S.Sothinathan, 40, setiausaha politik kepada Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu sebagai calon BN manakala Barisan Alternatif mengumumkan Ruslan yang juga ketua perhubungan Keadilan Negeri Sembilan sebagai calonnya.

Penamaan calon pilihan raya kecil ialah pada 30 Mei ini manakala pengundian pada 10 Jun. Pilihan raya itu diadakan berikutan kematian penyandanginya S.A.Anpalagan dari BN pada 28 April lepas. Pada pilihan raya umum 29 Nov lepas mendiang Anpalagan menang dengan majoriti 9,942 undi mengalahkan N.Gopalakrishnan yang bertanding atas tiket DAP.

Mengikut daftar pemilih 1999, kawasan Parlimen Teluk Kemang mempunyai 66,646 pengundi berdaftar. Sebanyak 45.44 peratus daripadanya adalah Melayu, 33.23 peratus Cina, 20.64 peratus India dan 0.7 peratus bangsa lain.

Mohamed Isa berkata, semua parti komponen BN bersetuju dengan pemilihan Sothinathan sebagai calon BN dan percaya penduduk Teluk Kemang juga menerima serta gembira kerana BN menurunkan calon kelahiran Teluk Kemang.

Ini merupakan kali kedua BN mengemukakan calon kelahiran tempatan di Teluk Kemang, selepas Datuk K.Pathmanaban dahulu.

Ketika ditanya sama ada BN akan memberikan tumpuan lebih kepada kawasan-kawasan tertentu di Parlimen Teluk Kemang yang mempunyai lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) -- Chembong, Linggi, Pasir Panjang, Si Rusa dan Lukut, Mohamed Isa berkata semua kawasan diberikan perhatian yang sama kerana matlamat BN ialah memenangi pilihan raya kecil itu dengan majoriti lebih besar berbanding pilihan raya umum lepas.

Beliau juga berkata, pengumuman presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik semalam bahawa beliau akan meletakkan jawatan Kabinetnya sebagai Menteri Pengangkutan, tidak akan menjejaskan kelancaran jentera MCA serta peluang BN pada pilihan raya kecil ini.

Katanya hal itu tiada kaitan dan tidak kena mengena dengan pilihan raya kecil ini.

Beliau juga berkata BN telah mengatur 564 sesi ceramah termasuk 337 ceramah oleh Umno sepanjang tempoh kempen nanti.

Umno negeri Melaka, Kedah dan Perlis dipertanggungjawabkan untuk berkempen di kawasan DUN Chembong; Johor, Selangor dan Sabah (DUN Linggi); Perak, Pahang, Terengganu (DUN Pasir Panjang); Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang (DUN Si Rusa); serta Kelantan (DUN Lukut).

-- BERNAMA

AZ PR